

## **Yang Di-pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong Zahir Rasa Simpati Kepada Mangsa Banjir**

**Bernamea**

**Dec 29, 2014**

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah Hamidun, Isnin, menzahirkan rasa simpati kepada mangsa bencana banjir yang melanda ketika ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Istana Negara, Seri Paduka bertitah meminta seluruh rakyat Malaysia berdoa agar bencana itu tidak berpanjangan sehingga mengorbankan banyak nyawa dan harta benda.

"Seri Paduka menzahirkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) dan Timbalan Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Yassin) serta seluruh pihak yang terlibat dalam memberi bantuan dan operasi menyelamatkan mangsa banjir di semua tempat terlibat," menurut kenyataan itu.

Tuanku Abdul Halim bertitah menggesa usaha cemerlang itu diteruskan dan semua pihak terlibat menggandakan usaha membantu mangsa banjir.

Yang di-Pertuan Agong bertitah meminta seluruh rakyat Malaysia terus mengekalkan keharmonian dan semangat perpaduan yang tinggi dan tidak menyebarkan berita tidak sah yang boleh menggugat keharmonian dan perpaduan ketika negara menghadapi situasi sebegini.

Bencana banjir yang melanda beberapa negeri di semenanjung menyaksikan lebih 200,000 mangsa terpaksa dipindahkan.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1096817>